

27 JUL 1996

Taib-PBB

PBB AKAN KEMUKA ENAM MUKA BARU PADA PILIHAN RAYA NEGERI

KUCHING, 27 Julai (Bernama) -- Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), parti komponen terbesar dalam Barisan Nasional (BN) Sarawak akan mengemukakan enam muka baru dalam pilihan raya negeri akan datang, kata Yang Dipertuanya Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

"Langkah itu berikutan pengwujudan kawasan baru Dewan Undangan Negeri (DUN) dan hasrat sesetengah anggota DUN sekarang yang tidak mahu bertanding atas sebab-sebab tertentu," kata Taib, Ketua Menteri dan Pengerusi BN Negeri kepada pemberita selepas mesyuarat PBB selama tiga jam pagi ini.

Abdul Taib berkata bagaimanapun senarai calon baru berkenaan akan hanya diketahui pada hari penamaan calon nanti.

Bagi pilihan raya negeri akan datang, jumlah kawasan pilihan raya di negeri ini akan ditambah enam lagi menjadikan kesemuanya 62, berbanding 56 sekarang. Sebanyak 27 kerusi kini dipegang oleh PBB.

Beliau berkata, perbincangan akan dijalankan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan mengenai calon-calon yang akan bertanding bagi pilihan raya negeri nanti.

Beliau berkata, BN yakin tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam pemilihan calon untuk bertanding.

Abdul Taib juga mengumumkan penubuhan tiga biro baru PBB -- Biro Pembangunan Luar Bandar yang akan diketuai Tan Sri Alfred Jabu, Biro Pendidikan oleh Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg dan Biro Kesihatan dan Perubatan oleh Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Beliau berkata penubuhan biro-biro berkenaan bertujuan mempercepatkan pelaksanaan program berkaitan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) serta membantu negeri ini bersaing dengan negeri-negeri lain.

Pada sebelah petang Abdul Taib mempengerusikan mesyuarat BN Negeri di ibu pejabat PBB yang dijangka membincangkan pengagihan kerusi DUN di kalangan parti-parti komponen. -- BERNAMA

RDY NMO